

HAJAT MANUSIA KEPADA AGAMA ISLAM

Adapun manusia itu satu makhluk yang lemah yang tidak terdaya mengetahui tujuan wujudnya atau mengecamkan dengan tepatnya apa sebab ia dijadikan. Apakala manusia itu dibiarkan begitu sahaja tiadalah dapat ia mengetahui apa yang baik dan apa pula yang berambisi bagi dirinya sendiri itu. Oleh sebab itu Tuhan Yang Maha Kuasa tidak membiarkan manusia begitu sahaja, terapung-apung dan hanyut dengan tidak ketentuan dalam alam maya ini. Tuhan Yang Maha Adil telah mengurniakan kepada manusia akal, yang dengannya ia akan dapat mengecamkan jalan benar lagi lurus dan dengannya ia dapat menuju kepada kebajikan.

(oleh Ja'far al-Bār)

Dengan alat kurniaan Tuhan itulah manusia telah mencuba mengenal dan mengetahui alam wujud ini akan kedudukannya di dalamnya. Dengan akallah manusia mencuba nak tahu sebab-sebab ia diadakan dan apa tujuan yang ia mesti capai di dalam hidup ini.

Tetapi akal itu kadang-kadang sesat dan betul-betul sesat apabila ia mencuba hendak mengetahui perkara-perkara yang tenaga akal itu tidak terdaya mencapainya seperti hendak mengetahui alam ghaib dan segala yang berkaitan dengannya. Contoh kesesatan akal itu bolehlah kita lihat dalam falsafah-falsafah yang membahas perkara-perkara ketuhanan yang ditinggalkan oleh umat-umat yang tidak pernah menerima wahyu seperti bangsa Greek dan sebagainya. Falsafah-falsafah ketuhanan mereka itu bukan mengangkat taraf dan mutu akal manusia malahan sebaliknya merendah dan menjatuhkannya. Apa tidaknya, bukankah falsafah-falsafah itu telah menjadikan orang. Bahkan haiwan dan batu atau pokok “Tuhan” tak cukup begitu, kononnya pula tuhan-tuhan yang ramai itu boleh berperang-perang dan berlawan-lawan kerana merebut hampas dunia ini.

Tuhan Yang Maha Adil lagi Maha Bijak telah mengetahui bahawa manusia adalah tidak berharga dan hampa jua wujudnya kalau ia dibiarkan bersendirian dengan akalnya. Maka bagi menjadikan manusia itu bertanggungjawab atas

segala amal perbuatannya, dan bagi menjadikannya tepat dan padan dengan maksud ia diadakan (dikhaliqkan), Tuhan telah menerangkan kepadanya jalan-jalan benar lagi lurus dan menunjukkan kepadanya hak kebenaran menerusi Rasul-rasul yang dipilihnya bagi menyampaikan utusannya. Adapun utusan-utusan (agama) Tuhan itu telah datang dengan cara bertingkat-tingkat atau setapak demi setapak menurut kebolehan dan persediaan akal manusia bagi menerimanya.

Agama Tuhan itu telah datang satu lepas satu dan Rasul-rasul-Nya bersilang ganti membawa utusan-utusan Tuhan itu. Tiap-tiap agama yang datang itu adalah diuntukkan kepada suatu umat yang tertentu dan bagi suatu masa yang berhad. Demikianlah halnya hinggalah diutuskan Junjungan kita Muhammad shallā Allāh ‘Alaihi wa sallam dengan satu agama am yang meliputi semua manusia dan masa. Junjungan kita itu telah diutus apabila hajat dan keperluan manusia kepadanya sangat-sangat mendesak. Kedatangan junjungan kita itu tak dapat dielakkan lagi bagi menyelamatkan alam itu daripada huru hara kesesatan dan kezaliman.

Hajat dan keperluan manusia yang mendesak itulah yang telah menyebabkan, adanya perhubungan di antara langit dengan bumi. Yakni di antara makhluk dengan Tuhannya yang diikat oleh tali utusan yang dibawa oleh junjungan kita itu. Perhubungannya yang luar biasa itu tidak akan tersimpul kiranya manusia

tidak sebenar-benarnya berhajat kepada suatu agama baharu.

Adapun keadaan alam sebelum diutus junjungan kita sangat-sangatlah perlukan suatu agama baharu, kerana telah lama tidak kedengaran suara Rasul-rasul Tuhan dan kerana kesan-kesan agama yang terdahulu itu telah hilang lenyap. Keadaan ini samalah di tiap-tiap negeri dalam alam ini pada masa itu, iaitu sama ada negeri Arab tempat Kaabah, atau di negeri Rom pusat agama Kristian yang kedua. Atau di negeri aliran dan Mesir serta lain-lainnya lagi.

Di negeri Arab pada zaman itu orang-orang menyembah patung-patung yang mereka buat. Dan mereka menganggap patung-patung itulah Tuhan mereka. Ibnu Hashim, seorang penulis tawarikh yang terkenal telah menceritakan bahawa seseorang Arab itu apabila belajar dan berhenti di suatu tempat, maka diambilnya empat ketul batu, dan seketul batu yang dipandangnya cantik sekali dijadikannya Tuhan yang ia sembah dan yang tiga lagi itu dijadikannya kongsi atau pengapit bagi Tuhannya yang palsu itu. Oleh sebab orang-orang Arab itu sudah terlalu amat menghormati patung-patung. Maka di tiap-tiap sebuah rumah ada patungnya sendiri yang disembahnya. Seseorang Arab itu apabila hendak belayar keluar negeri maka ketika hendak keluar rumah pergilah ia mengambil berkat daripada patung itu dan kemudian apabila ia balik. Ia pergi menyapu-nyapu dan menyentuh patung itu sebelum ia berjumpa dengan ahli rumahnya. Oleh sebab itu apabila junjungan kita menyeru Quraish kepada mengesakan Tuhan mereka maka mereka telah berkata "*aj'al alā lihāt al-hā wāhidā an hazā lishai' ajāba*" ertinya "adakah ia (Muhammad) mengatakan dan menempatkan bahawa Tuhan itu esa, sesungguhnya perkara ini sangatlah ganjil.

Di negeri Parsi pula orang-orangnya beragamakan agama "Thanawi" dan Majusi, yang mengatakan bahawa Tuhan itu dua iaitu "gelap" dan "cahaya". Tuhan yang satu itu kononnya bagi kebaikan yang lagi satu pula bagi kejahatan. Orang-orang Parsi pada masa itu telah lupa bahawa

alam ini hanya mempunyai satu Tuhan dan dialah yang telah menjadikan langit dan bumi serta menjadikannya gelap dan cahaya.

Ada satu puak daripada orang-orang Parsi itu yang beragama agama "*muzdik*" iaitu satu faham atau agama yang mengajak dan menyeru kepada hawa nafsu dengan tidak berkecuali lagi. Pengasas agama ini ialah seorang yang bernama muzdik, yang-dengan beraninya- ia telah menghalalkan perempuan dan harta bagi semua orang, yakni semua orang berkongsi atas semua perempuan dan harta kekayaan yang ada di atas muka bumi ini, bagaimana mereka berkongsi atas api, air dan tumbuh-tumbuhan.

Selain daripada kesesatan-kesesatan tentang agama dan akidah, maka kezaliman cukup merebak di negeri Parsi itu. Raja-raja Parsi pada zaman itu mengaku dan mendakwa bahawa di tubuh badan mereka ada mengalir darah Tuhan yang suci. Rakyat-rakyat memandang kepada mereka sebagai Tuhan, dan sebab itu mereka redha menanggung segala kesusahan dan kepayahan serta kezaliman yang tidak bertanggung kerana raja-raja yang mereka pandang dewa-dewa itu. Susunan masyarakat Parsi pada zaman itu berdiri atas cara feudal. Orang-orangnya dipecah-pecahkan kepada beberapa kelas dan kasta mengikut keturunan dan pekerjaan yang dibuatnya. Seseorang itu hendaklah redha dan menerima dengan puas hati akan taraf kedudukannya di dalam masyarakat. Dan dia tidak boleh memandang kepada taraf orang-orang yang di atas. Dengan sebab susunan masyarakat yang begini rupa maka perbezaan kelas-kelas. Di negeri Parsi sangat-sangat mendalam, hatta ada setengah-setengah orang mempertuhankan orang yang sama sepertinya juga.

Thomas Arnold, seorang penulis tawarikh. Bangsa Inggeris, di dalam bukunya "*Seruan Kepada Agama*" telah menulis antara lain-lain demikian : "adapun sebab-sebab kejayaan dan kemenangan yang telah mengiringi pembukaan orang-orang Arab akan negeri Parsi ialah kerana buruknya hal keadaan

negeri itu. Pembukaan negeri Parsi itu adalah telah menyelamatkan penduduk-penduduk daripada keadaan buruk yang mereka ada di dalamnya. Sebaik-baik sahaja orang Islam selesai daripada membuka negeri Parsi maka orang-orang Parsi pun dapat bernafas dan lega. Mereka telah menyambut kedatangan orang-orang itu dengan sebaik-baik sambutan.

Demikian pendapat seorang bangsa Inggeris pengarang tarikh yang terkenal itu. Beliau berpendapat bahawa hal keadaan negeri Parsi yang buruk tentang agama dan masyarakat itu adalah sangat-sangat berkehendak supaya diselamatkan dengan segera. Menyelamatkannya itu ialah dengan suatu agama baharu yang diterima oleh akal dan suatu masyarakat yang adil.

Seperkara yang wajib disedari tentang pendapat Thomas itu ialah berkenaan dengan katanya bahawa keburukan hal keadaan Parsi itulah sahaja yang menjadi sebab besar bagi kejayaan dan kemenangan orang-orang Arab membuka negeri Parsi itu. Pendapat Thomas ini adalah suatu waham yang batil. Yang beliau nampaknya telah terikut. Akan lain-lain orientalis yang menulis dalam perkara ini.

Yang sebenarnya bukanlah itu sahaja sebab kejayaan dan kemenangan tersebut. Malahannya yang lebih-lebih besar dan lebih-lebih berkesan lagi ialah bahawa agama Islam itu sendiri adalah agama semula jadi yang sempurna dan lengkap lagi bersesuaian dengan akal. Dari itu ia senang diterima dan lengkap lagi bersesuaian dengan akal. Dari itu ia senang diterima dan dianut oleh sesiapa juga yang terbuka mata hatinya. Kebenaran perkara ini telah diakui oleh Thomas sendiri di dalam kitabnya itu juga. Lagi satu sebab kemenangan itu ialah kerana orang-orang Islam yang berperang pada zaman itu adalah berperang dengan sungguh-sungguh hati sambil mengharapkan salah satu daripada dua kebaikan iaitu mati syahid ataupun mencapai kemenangan.

Tidak syak lagi bahawa iman orang yang berperang dengan kepercayaan penuh atas kebaikan tujuan-tujuan ia berperang adalah menjadi syarat kemenangan sesuatu pasukan

tentera. Dengan ini nyatalah bahawa sangat jauh bezanya di antara semangat orang yang berperang kerana meninggikan kalimah Allah dan mengharapkan balasan yang baik daripadaNya, dengan orang yang berperang membela suatu kepercayaan karut, dan mempertahankan kerajaan yang kejam serta mengawal susunan masyarakat yang berat sebelah dan tempang.

Di negeri Rom dan Timur dekat yakni Syam dan Mesir. Yang pada masa itu menjadi pusat atau lubuk agama Nasrani tidaklah juga baik hal keadaannya. Agama Kristian yang asalnya satu agama yang mudah yang menyeru kepada menyembah Tuhan. Telah terbalik menjadi suatu agama yang payah dan kusut yang sukar difaham disebabkan tambah tokoh yang didatangkan ke atasnya.

Gereja-gereja Nasrani telah berpecah kepada dua jenis iaitu satu gereja-gereja Ortodoks dalam empayar Rom timur dan satu Katolik dalam empayar barat yakni di negeri-negeri Rom. Perpecahan itu telah menjadi-jadi dengan dahsyatnya hingga akhirnya dua jenis mazhab itu bukan lagi menjadi dua jenis mazhab satu agama, tetapi masing-masing telah menjadi agama yang berasing dan berseteru dengan yang lagi satu itu.

Sebenarnya perpecahan gereja itu telah mengenai masalah-masalah asal atau pokok bukan lagi mengenai masalah –masalah perang . Sebab itulah telah berlaku bencana yang besar daripada perpecahan itu. Perpecahan itu adalah berasal daripada perselisihan faham tentang zat tubuh diri Isa itu sendiri. Perselisihan itu terbit kerana hendak menetapkan adakah zat Isa itu zat Tuhan semata-mata atau ada dalam zat itu campuran dari zat manusia?

Setelah perselisihan itu menjadi-jadi dan bertambah tegang maka terbitlah tuduh menuduh di antara dua gereja itu. Gereja Ortodoks misalnya akan menuduh ahli-ahli gereja yang lagi satu itu sebagai murtad yang wajib diseksa dan dihinakan dan demikianlah akasnya.

Berkata Norman Vinas, pengarang sejarah empayar Byzantine(Rom Timur) dalam bukunya itu : Orang-orang telah mula merasa bahawa hidup secara Kristian itu telah hilang daripada tujuan-tujuan tinggi lagi baik yang dikehendaki. Orang-orang itu telah meronta-meronta hendak melepaskan diri daripada yang mereka tidak tahan lagi hidup di dalamnya. Padang-padang pasir telah penuh dengan orang-orang bertapa yang ingin sampai kepada Tuhan dengan tidak ada perantaraan.

Dengan adanya kerosakan-kerosakan tentang akidah dan perbincangan dalam agama serta penganiayaan maka rosaklah adab perangai huru haralah pentadbiran dan berlakulah berbagai-bagai kezaliman masyarakat . Iaitu kezaliman yang dapat dielakkan oleh oleh orang-orang kaya dengan wang ringgitnya atau pangkatnya.

Kerosakan-kerosakan dan keburukan-keburukan yang kita telah sebutkan sedikit daripada di atas itu tidak syak lagi adalah menjadi sebesar-besar pengaruh yang telah mengesani orang-orang yang duduk dalam kawasan empayar Rom menerima agama Islam dan memeluk orang-orang itu telah mendapati Islam itu agama yang boleh melepaskan mereka daripada kekejaman kekerasan dan penganiayaan.

Islam yang dahulu telah ditunggu-tunggu dan dinanti-nanti oleh orang-orang pada zaman itu kerana mereka tak tahan lagi dengan cara-cara hidup yang ada pada masa itu adalah agama penyudah atau akhir dan Rasulnya ialah Rasul yang akhir yang tidak akan ada Rasul kemudian daripadanya.

Sekarang atau zaman ini pun tidak kurang rosak dan keburukannya daripada zaman dahulu kala itu. Susunan siasah, iktisad dan masyarakat di seluruh alam istimewa alam Islam semuanya sudah jatuh bankrap. Tidak terdaya lagi hendak menyara penghidupan secara kemanusiaan yang tulen di atas muka bumi ini.

Apakah yang kita patut buat dan lakukan bagi menyelamatkan alam ini daripada malapetaka? Tidak lain lagi melainkan kita percayakan Islam dengan sebenar-benar percaya,

fahamkan dia dengan sebenar-benar faham dan kita berusaha mewujudkan pemimpin-pemimpin dan penyeru-penyeru yang ikhlas yang redha menguntukkan hayatan bagi seruan Islam dan yang merasa bahagia pada menjalankan seruan itu. Pemimpin-pemimpin dan penyeru-penyeru itu hendaklah batin dan zahimnya bersih supaya dirinya mereka itu dan tingkah laku mereka menjadi sebaik-baik tauladan yang dengan sendiri menyeru kepada Islam.

Kita sekarang tidak perlu lagi mendengar atau membaca seruan-seruan Islam yang tidak disertai dengan amal perbuatan. Kita tidak perlu kepada penyeru-penyeru agama yang berkata mati syahid kerana agama itu besar pahalanya. Berjuang kerana bangsa dan tanah air itu amat digemari Tuhan pada hal orang-orang itu sendiri tidak berperangai Islam dan hanya menyeru dengan mulut dan hatinya kosong daripada iman dan kepercayaan atas kebenaran seruannya.

Kita umat Islam sekarang sangat-sangat berhajat kepada pemimpin agama yang dengan seruannya dan tingkah lakunya serta adab perangnya boleh mengumpulkan pemuda-pemuda Islam di bawah panji-panji Islam adanya.

BACALAH BUKU-BUKU KELUARAN QALAM

Muhammad 4 Penggal Sepenggal \$1.20

Baginda Ali Harimau Allah (cetak yang kedua)

2 Penggal Sepenggal \$1,20

Abu Bakar (2 Penggal) Sepenggal \$ 1.20

Uthman ibnu Affan Sepenggal \$ 1.20

Pos 10 Sen

Pesanlah Kepada:-

QALAM

356 & 358, GEYLANG ROAD
SINGAPORE 14